

PENCALONAN SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UUM BERHAD
Koperasi UUM Bhd**Telah Dihantar:** 11 April 2010 10:19**Kepada:** UUM - All Staff**Lampiran-lampiran:** ☐ 2 - BORANG SKM-TAP KEW 10-03.pdf (14 KB) [Buka sebagai Halaman Web]; ☐ 1 - BORANG SKM-BP 10-03.pdf (50 KB) [Buka sebagai Halaman Web]

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Tuan/Puan,
Anggota Koperasi UUM Berhad**PENCALONAN SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UUM BERHAD**

1. Dimaklumkan bahawa GP3 : Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi telah dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bagi memenuhi kehendak subseksyen 43(2) dan (3) Akta yang sama di mana koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dikehendaki meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sebelum pelantikan atau pelantikan semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga Koperasi (ALK).
2. Dalam hubungan ini, sekiranya arahan tersebut menjadikan koperasi tidak dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dalam tempoh sebelum Jun 2010, maka koperasi boleh memohon kelulusan Suruhanjaya bagi perlanjutan tempoh mengadakan MAT di bawah seksyen 39 Akta. Dimaklumkan bahawa Suruhanjaya boleh menimbangkan tempoh perlanjutan mengadakan MAT sehingga 31 Ogos 2010.
3. Kelayakan menjadi Anggota Lembaga mengikut Undang-Undang Kecil 35(1) 'Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang Anggota Lembaga, jika dia-
 - a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
 - b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
 - c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi koperasi ini;
 - d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
 - e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota setelah Koperasi didaftarkan melebihi dua tahun atau;
 - f) mempunyai syer dan yuran tidak kurang daripada RM2,000.00 (Ringgit : Dua Ribu)'.
4. Bagi anggota Koperasi yang berminat untuk memohon bagi pencalonan sebagai Anggota Lembaga Koperasi UUM Berhad, pihak tuan/puan boleh melengkapkan borang yang disediakan oleh pihak SKM iaitu :
 - a) Borang SKM/BP
 - b) Borang SKM/TAP/KEW- seperti dilampiran
5. Sila kembalikan borang-borang yang telah dilengkapkan selewat-lewatnya pada 25 April 2010 di dalam sampul surat bertutup kepada :

Setiausaha Kehormat,
Koperasi UUM Berhad
Uni Shoppe, Varsity Mall
06010 UUM Sintok
Kedah.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Unit Pentadbiran
Koperasi UUM Berhad
Tel : 04-9242523/9242532